

FUJI VITAMIN C TABLET

Ascorbic Acid/Sodium Ascorbate (50mg/56.25mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Fuji Vitamin C
2. Bagaimana Fuji Vitamin C berfungsi
3. Sebelum mengambil Fuji Vitamin C
4. Cara mengambil Fuji Vitamin C
5. Semasa menggunakan Fuji Vitamin C
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Fuji Vitamin C
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Fuji Vitamin C

Untuk rawatan skurvi dan kekurangan Vitamin C.

Bagaimana Fuji Vitamin C berfungsi

Fuji Vitamin C mengandungi asid ascorbic acid dan sodium ascorbate yang membantu mengahaling kekurangan ascorbic acid di dalam badan.

Sebelum menggunakan Fuji Vitamin C

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini sekiranya anda mempunyai alahan kepada mana-mana bahan yang disenaraikan di dalam risalah ini.

-Sebelum menggunakan ubat ini

Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini. Penggunaan Fuji Vitamin C harus dipertimbangkan jika anda mempunyai:

- gout
- Kelebihan zat besi dalam tubuh yang diwarisi (Hemochromatosis) atau kurang keupayaan tulang sumsum untuk menghasilkan sel darah merah yang normal (*sideroblastic anaemic*) atau *Thalassemia* (gangguan darah yang diwarisi).
- terlalu banyak kristal oxalate dalam air kencing.

Mengandung dan menyusukan anak

Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandungi mungkin mengandungi atau menyusukan anak.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

Sesetengah ubat dan Fuji Vitamin C boleh mengganggu satu sama lain. Mereka mungkin terjejas oleh Fuji Vitamin C atau boleh menjejaskan fungsinya.

- Ia boleh meningkatkan penyerapan zat besi dari saluran gastrousus.
- Ia boleh mengurangkan tahap fluphenazine.
- Ascorbic acid dan warfarin boleh mengurangkan kesan antikoagulan.
- Ia boleh menjejaskan kesan kontraseptif oral

Cara mengambil Fuji Vitamin C

-Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan Fuji Vitamin C seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

Dos biasa

Kanak-kanak: 100-400 mg setiap hari.

Dewasa: 100-600 mg setiap hari.

-Bila perlu diambil

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan Fuji Vitamin C seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

-Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan Fuji Vitamin C secara berlebihan jarang menyebabkan kesan berbahaya kerana ia adalah vitamin larut air, oleh itu ia dapat disingkirkan dengan cepat di dalam air kencing.

Semasa menggunakan Fuji Vitamin C

-Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Fuji Vitamin C.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Fuji Vitamin C dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin sehingga anda tahu bagaimana kesan Fuji Vitamin C terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Fuji Vitamin C boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun jarang terjadi apabila digunakan mengikut preskripsi. Sekiranya kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat dan rujuk kepada doktor.

Beritahu doktor anda jika anda dapati mana-mana kesan sampingan berikut atau mengalami apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Cirit-birit
- Kejang perut
- Pening

FUJI VITAMIN C TABLET

Ascorbic Acid/Sodium Ascorbate (50mg/56.25mg)

- Sakit kepala

Tarikh kemaskini RIMUP

24/01/2018

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my

Serial Number

NPRA(R4/1)141117/00317

(Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Fuji Vitamin C

-Penyimpanan

Pastikan penutup ditutup dengan ketat. Lindungi dari haba dan cahaya. Simpan di tempat yang dingin & kering. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet berwarna oren, bulat dengan garis pemisah pada satu belah.

-Bahan-bahan kandungan

Setiap tablet mengandungi:

- Bahan aktif

Ascorbic Acid (50mg) dan Sodium Ascorbate (56.25mg)

- Bahan-bahan tidak aktif

Lactose 200 Mesh, Mannitol, Kollidon PVP, Spirit Chloroform, Magnesium Stearate, Orange flavor, Tutti Frutti, Aspartame, National starch, dan Sunset Yellow.

-Nombor MAL

MAL19990612XZ

Pengilang dan Pemegang

Pendaftaran Produk

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park Phase 4, 11900 Penang, Malaysia.